

06/12/1999

Pemilihan calon perlu dikemas kini, telus: Rais

SEREMBAN, Ahad - Sistem pemilihan calon pilihan raya umum Umno perlu diperkemas bagi memastikan calon parti mendapat sokongan padu pada pilihan raya akan datang.

Ini berikutan pemilihan yang tidak sesuai di beberapa negeri dikatakan antara faktor utama kekalahan calon Umno atau hanya menang dengan majoriti kecil pada pilihan raya umum lalu.

Ahli Parlimen Jelebu, Datuk Dr Rais Yatim, berkata Perlembagaan Umno perlu dipinda bagi menjadikan prosedur pemilihan calon pilihan raya umum lebih telus.

Katanya, mengikut fasal Tugas Umno Bahagian dalam Perlembagaan parti, antara tugas Umno bahagian ialah mencadangkan nama untuk calon pilihan raya umum dan ahli majlis pihak berkuasa tempatan.

"Ini bermakna mengikut sistem parti, Umno bahagian berhak menamakan calon pilihan raya umum dan sewajarnya Badan Perhubungan Umno negeri menerima pakai senarai itu," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Bagaimanapun, katanya senarai calon pilihan raya umum Umno bahagian bukan mutlak dan boleh diubah.

Dr Rais berpendapat, rundingan dengan kepimpinan Umno bahagian perlu dilakukan jika Badan Perhubungan Umno negeri hendak melakukan sebarang perubahan.

Menurutnya, tindakan mengemukakan senarai lain kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bermakna Badan Perhubungan Umno negeri mengabaikan sentimen akar umbi.

Ini kerana, katanya Presiden parti sudah tentu tidak kenal semua calon Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen.

Beliau berkata, tindakan Badan Perhubungan Umno negeri menapis calon yang bahagian kemukakan boleh menimbulkan masalah besar kerana pandangan bahagian tidak diambil kira.

"Orang di bahagian akan terasa apabila calon yang sepatutnya bertanding tidak bertanding. Ini menyebabkan mereka enggan menyokong orang yang dipilih," katanya.

Beliau yang menganggap amalan itu sebagai 'pancung-memancung' dan jika dibiarkan akan menghancurkan masa depan Umno.

Katanya, Umno menghadapi masa depan gelap apabila sikap mementingkan diri sendiri di kalangan pemimpin menjadi amalan hingga sanggup menjatuhkan pemimpin lain.

"Saya tidak malu atau segan untuk menyatakan perkara sebenar sebab saya mementingkan masa depan Umno," katanya.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan sistem pemilihan calon pilihan raya umum diperkemas dengan Umno cawangan diberi peluang untuk mengemukakan calon mereka.

"Umno boleh mengadakan mesyuarat khas untuk tujuan itu. Jika pemilihan ketua bahagian boleh dilakukan dengan cara begitu, mengapa tidak pemilihan calon pilihan raya," katanya.

(END)